

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan khususnya di peringkat sekolah dan universiti bagi menggalakkan penglibatan golongan belia dan anak muda dalam dunia keusahawanan Industri 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar akan tahap kualiti yang perlu ada dalam setiap murid dan salah satu dimensi yang dititikberatkan adalah aspek keusahawanan. Menyedari akan hakikat tersebut, di peringkat sekolah, KPM telah memperkenalkan mata pelajaran Pengajian Keusahawanan sebagai mata pelajaran elektif bagi murid Tingkatan 4 dan 5 di sekolah menengah teknik. Antara tajuk yang dimasukkan dalam mata pelajaran ini ialah Keusahawanan Digital yang menjurus kepada keusahawanan industri 4.0. Tajuk ini memberi pendedahan kepada murid berkaitan perisian aplikasi, keusahawanan digital dan perundangan serta mengaplikasikan platform teknologi digital dalam pemasaran.

Selain itu, pembangunan Kurikulum Standard Kolej Vokasional turut mengambil kira keperluan Revolusi Industri 4.0. Elemen inovasi dan kreativiti diberi keutamaan dalam penyampaian kurikulum di kolej vokasional. Aspek inovasi dan kreativiti ditonjolkan dalam projek-projek inovasi yang dilaksanakan di kolej vokasional. Sebagai contoh, pelaksanaan *Smart classroom*, projek terbaharu kolej vokasional pertanian adalah melaksanakan *Smart Agriculture* bersama pemain industri. Melalui projek ini, usaha untuk melahirkan peladang yang berkemahiran, berteknologi tinggi dan usahawan tani yang berjaya di kalangan anak muda dapat dipercepatkan menggunakan kemudahan dan kepakaran daripada pemain industri.

Pelibatan golongan belia dan anak muda dalam dunia keusahawanan diperkuatkan lagi dengan pelaksanaan Program Industri Menengah Atas (PIMA) yang turut mendapat sokongan daripada pemain industri.

Di peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT), kursus keusahawanan telah diwajibkan di semua universiti awam (UA) bermula tahun 2007 bagi memastikan semua pelajar tidak mengira bidang pengajian didedahkan kepada ilmu keusahawanan. UA boleh menawarkan Kursus Keusahawanan sebagai Kursus Teras Universiti / Program atau melalui

Kelompok U2 dalam subjek Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). Penekanan terhadap bidang keusahawanan dijadikan salah satu fokus dalam Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 iaitu untuk melahirkan graduan yang holistik, keusahawanan dan seimbang.

Program keusahawanan di bawah inisiatif ini, dilaksanakan melalui tiga (3) fasa iaitu membudaya (*enculture*), mengukuh (*empower*) dan melengkapi (*equip*) yang melatih pelajar untuk menguruskan sumber dan kewangan serta berkomunikasi dengan baik, berdaya tahan, mempunyai locus kawalan diri (*internal locus control*), berupaya menguruskan risiko dan yakin dengan keupayaan diri.

Kerjasama strategik dengan industri dan agensi pembangunan keusahawanan seperti Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia), Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dan CELCOM turut diperkukuhkan dalam memastikan pelajar yang mempunyai kecenderungan keusahawanan mendapat bimbingan sewajarnya untuk memula, membangunkan dan melengkapkan perniagaan mereka khususnya dalam bidang-bidang terkini selaras dengan keperluan industri 4.0 seperti *eCommerce*, *FinTech*, logistik, *big data*, *robotic engineering* dan *Internet of Things*.

KPM telah menerbitkan Modul Baharu Kursus Asas Keusahawanan Institut Pendidikan Tinggi untuk dijadikan rujukan utama pengajaran bagi Kursus Keusahawanan di semua UA bermula sidang akademik 2017/2018. UA juga boleh menyesuaikan modul ini mengikut program akademik tertentu. Di samping itu, KPM juga telah berkerjasama dengan UA dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) juga telah membangunkan modul-modul kursus baharu contohnya Keusahawanan Digital, Kanvas Model Perniagaan, Teknoprenur bagi memperkasakan lagi pelajar dengan ilmu keusahawanan.

Sekian, terima kasih.